

## **TERMA DAN SYARAT KEMPEN “CANGGIH LAH SIMPAN DI SSPN”**

### **KEMPEN**

1. Kempen “Canggih Lah Simpan Di SSPN” ini adalah hasil kerjasama strategik di antara PTPTN dan My-Sutera Sdn. Bhd. (Canggih).
2. Pelanggan yang membuka akaun dan / atau membuat penambahan deposit SSPN di dalam tempoh promosi akan menerima SSPN Reward dalam bentuk baucar diskaun digital (e-baucar) tajaan Canggih. E-baucar ini boleh ditebus untuk pembelian barang berjenama Canggih secara dalam talian menerusi laman sesawang Canggih <https://schoolmall.com.my>.

### **TEMPOH PROMOSI**

3. Tempoh promosi adalah bermula 1 Disember 2020 sehingga 31 Disember 2020.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh promosi ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

### **KELAYAKAN**

5. Terbuka kepada **pendeposit SSPN**.
6. Pendeposit perlu **membuka akaun SSPN atau membuat penambahan simpanan SSPN** dalam tempoh promosi.
7. Bagi akaun SSPN-i Plus, jumlah simpanan akan dikira mengikut pakej (Simpanan + Takaful);
8. Pendeposit akan menerima e-baucar melalui e-mel atau boleh menyemak menerusi portal online SSPN-i/ SSPN-i Plus ) dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** daripada tarikh penerimaan deposit di PTPTN;
9. Pendeposit hanya boleh menebus e-baucar bagi pembelian secara dalam talian di laman sesawang di, <https://schoolmall.com.my> dengan memasukkan nombor e-baucar yang diberi;
10. Tempoh sah laku e-baucar adalah dari **1 Disember 2020 sehingga 31 Mac 2021**.

## **KADAR DISKAUN SSPN REWARD DAN PENEBUSAN E-BAUCAR**

11. Penentuan kadar diskaun adalah berdasarkan jumlah transaksi deposit terkumpul mengikut nombor kad pengenalan pendeposit pada hari yang sama.
  
12. Jumlah penentuan kadar diskaun adalah seperti berikut:

JUMLAH SIMPANAN	KADAR DISKAUN
RM500.00 sehingga RM1,000.00	25%
Melebihi RM1,000.00 sehingga RM3,000.00	30%
Melebihi RM3,000.00	35%

13. PTPTN mahupun Canggih tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan atau kegagalan menerima atau menebus e-baucar atas apa jua sebab dalam tempoh promosi.
  
14. Pembelian barang yang dilakukan di laman sesawang <https://schoolmall.com.my> adalah tanggungjawab pendeposit sendiri.
  
15. Syarat dan terma penebusan “SSPN Reward” di dalam laman sesawang <https://schoolmall.com.my> adalah:
  - a. Canggih berhak menentukan barang yang layak mendapat “SSPN Reward”;
  - b. Diskaun yang diberikan hanyalah ke atas barangan sahaja tidak termasuk caj penghantaran.
  - c. Pendeposit SSPN akan menerima jumlah “SSPN Reward” mengikut kadar diskaun yang diberikan oleh PTPTN;
  - d. Penjualan barang di dalam laman sesawang <https://schoolmall.com.my> adalah tertakluk kepada ketersediaan stok;
  - e. Canggih tidak akan melayan permohonan pertukaran saiz sekiranya berlaku kesilapan di pihak pembeli ketika pembelian. Jika Canggih yang menghantar saiz berbeza daripada yang dibeli, pertukaran boleh dilakukan;

- f. Sekiranya barang yang dibeli didapati rosak semasa penerimaan barang tersebut, urusan pertukaran atau aduan boleh disalurkan kepada [info@canggih.com.my](mailto:info@canggih.com.my);
- g. Barang yang dibeli akan dihantar mengikut masa yang terpantas yang ditentukan oleh Canggih; dan
- h. Canggih mempunyai hak mutlak menukar mana-mana terma dan syarat bagi pembelian di dalam laman sesawang <https://schoolmall.com.my> pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

## **PERUNTUKAN UMUM**

16. Sebagai pendeposit yang mempunyai akaun aktif, pendeposit dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.
17. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan kempen pengiklanan yang berkaitan dengannya.
18. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pendeposit. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan / atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
19. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
20. Penyertaan pendeposit dalam kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.

21. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
22. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pendeposit, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
23. Segala maklumat komunikasi/SMS yang dihantar ke nombor telefon bimbit terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

***Maklumat dikemaskini pada 9 Disember 2020***